

Seni budaya bantu pulih

31 MAR 2002

Oleh **MISIAH TAIB**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata usaha mengetengahkan kekayaan seni dan budaya Islam boleh membantu mendapatkan gambaran sebenar mengenai imej Islam sebagai agama yang cintakan keamanan.

Perdana Menteri berkata, usaha ini sekali gus akan mengikis tanggapan yang sering mengaitkan Islam dengan keganasan terutama selepas peristiwa di Amerika Syarikat pada 11 September tahun lalu.

Beliau berkata, kehalusan seni dan budaya Islam dengan sendirinya memaparkan cara kehidupan Islam yang sebenarnya agama sejagat yang amat indah.

“Dakwaan yang mengaitkan Islam dengan tindakan keganasan, amat menyedihkan dan mengelirukan. Hakikatnya, kebanyakan umat Islam di seluruh dunia lebih cintakan keamanan dan membenci keganasan.

“Imej sebenar Islam boleh disaksikan menerusi kehalusan seni serta budayanya,” katanya ketika berucap merasmikan Pameran Kesenian Islam India di Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM) di sini, lewat petang semalam.

Pameran tiga bulan itu dianjurkan muzium berkenaan dengan kerjasama Muzium Nasional New Delhi.

Pada majlis sama Perdana Menteri melancarkan laman web muzium itu dan buku Islamic Art Museum Malaysia, yang kemudiannya dijual dengan harga RM1 50 senaskhah.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pesuruhjaya Tinggi India di Malaysia, Veena Sikri; Pengarah MKIM, Syed Mohammad Albukhary dan Ke-

tua Muzium Nasional New Delhi, Dr Nasim Akhtar.

Dr Mahathir berkata, pameran yang memaparkan 174 koleksi seni dan artifak Islam dari India itu akan meningkatkan pemahaman penduduk tempatan serta pelawat mengenai seni dan budaya Islam di India.

Ia juga katanya, member-i kesempatan kepada mereka yang tidak dapat pergi ke negara berkenaan untuk mempelajari serba sedikit mengenai seni serta budaya masyarakat Islam di India.

Beliau memuji usaha MKIM dan Muzium Nasional New Delhi yang menganjurkan pameran itu dalam usaha mengetengahkan kekayaan warisan seni serta budaya Islam di India kepada masyarakat Malaysia dan pelawat yang datang ke muzium berkenaan.

Setakat ini katanya, MKIM berjaya menganjurkan beberapa siri pameran kesenian Islam dari banyak negara.

“Ini banyak membantu kita bukan saja untuk memahami seni budaya Islam dari seluruh dunia, malah mempelajari serta mendalaminya.

“Dengan memahami seni dan budaya Islam dari seluruh pelosok dunia, kita dapat membantu menyumbang ke arah memajukan kesenian Islam,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Syed Mohammad berkata pameran itu yang pertama dianjurkan oleh muzium itu untuk tahun 2002 ini dan ini juga kali pertama koleksi serta artifak dari Muzium Nasional New Delhi dibawa keluar dari negara itu, untuk dipamerkan.

Sempena majlis perasmian itu juga, diadakan persembahan tarian Kathak, iaitu tarian klasik serta artistik dari utara India.

imej Islam